

Headline	TNB entiti korporat paling dipercayai di Malaysia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	24
ArticleSize	440 cm <sup>2</sup>	Journalist	Mahanum Abdul Aziz
PR Value	RM 43,710		



# TNB entiti korporat paling dipercayai di Malaysia

Kajian Ipsos turut nobat syarikat jenama amat diyakini dalam sektor utiliti

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) dinobatkan organisasi atau institusi korporat paling dipercayai di Malaysia pada 2023 berdasarkan kajian terbaharu oleh salah satu firma penyelidikan pasaran terbesar dunia Ipsos Sdn Bhd (Ipsos).

Kajian memperlihatkan syarikat utiliti itu menduduki tangga teratas sebagai entiti paling dipercayai di Malaysia mengatasi lebih 100 jenama dalam kaji selidik sepanjang tujuh bulan mulai April 2023.

Selain itu, TNB diiktiraf jenama paling dipercayai dalam industri utiliti, mempamerkan kejayaan syarikat dalam membina hubungan yang teguh dengan rakyat Malaysia.

Ipsos Malaysia dalam siaran akhbar pada 23 Januari 2024 bertajuk *Ipsos Trust Track 2023: The Most Trusted Corporations and Institutions in Malaysia*, mengumumkan nama lima syarikat teratas dengan TNB di tempat pertama, diikuti rapat oleh Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) dan seterusnya Shell, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)



TNB berjaya kekalkan hubungan kukuh dengan pelanggan walaupun ketika menghadapi pelbagai cabaran. (Foto hiasan)

serta Petron di tempat kelima.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir Baharin Din, mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada warga TNB serta melahirkan kesyukuran atas pengiktirafan yang besar dan sangat bermakna terhadap perkhidmatan syarikat yang giat menerajui peralihan tenaga menuju pelepasan sifar bersih 2050.

"Kepercayaan dan keyakinan ini tidak boleh dibeli. Ia datang daripada keyakinan masyarakat dan pendirian mereka terhadap amalan dan budaya kerja TNB.

"Pemegang taruh lazimnya selesa berurusan dengan organisasi yang dipercayai dan diyakini.

"Ini satu pengiktirafan besar



Baharin Din

maknanya dan semoga kepercayaan ini akan menterjemahkan cabaran kepada peluang niaga baharu kepada TNB untuk kita mengungguli penyelesaian tenaga mampan kepada pelanggan serta rakyat," katanya dalam satu kenyataan merujuk kenyataan Ipsos itu.

Ipsos dalam kenyataannya menyebut kepercayaan yang teguh mencerminkan keupayaan organisasi mengekalkan hubungan kukuh dengan pelanggan mereka, walaupun dalam menghadapi pelbagai cabaran.

**7,000 responden**

Kaji selidik itu meliputi lebih 100 syarikat dan institusi di Malaysia dengan menemu bual lebih 7,000

responden yang memberi maklum balas bahawa kebanyakan syarikat berupaya mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan dalam bidang industri masing-masing.

TNB pernah tersenarai antara lima syarikat paling dipercayai pada penyertaan sulungnya dalam kaji selidik Ipsos pada 2021.

Mengulas lanjut pencapaian 2023, Baharin berkata, sejak Lembaga Letrik Negara (LLN) ditubuhkan lebih 74 tahun lalu, TNB terus berbakti membekalkan tenaga elektrik kepada negara.

Beliau berkata, ketika lebih 99 peratus rakyat sudah mendapat bekalan elektrik, peranan pihaknya kekal dengan fokus memastikan bekalan berdaya harap demi membawa kehidupan sejahtera, 'Better, Brighter' kepada rakyat Malaysia.

Menurutnya, pengalaman menerajui industri tenaga elektrik lebih tujuh dekad, membolehkan TNB diyakini memimpin tiga projek utama Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), memacu Tenaga Boleh Baharu (TBB) pada skala besar dan inisiatif teknologi bersih sejajar sasaran Malaysia negara neutral karbon 2050.

Justeru, katanya, TNB menjadi penggerak utama peralihan tenaga bertanggungjawab yang bukan saja mementingkan alam sekitar tetapi juga membuka pintu kepada pelbagai peluang sambil memupuk inovasi teknologi, suatu dedikasi tanpa henti untuk membentuk landskap tenaga masa depan di Malaysia.